



Sahabat Alam Malaysia
Friends of the Earth Malaysia
For Environmental Justice

1, Jalan Joki, 11400 Penang, Malaysia
Tel No: +604 827 6930
Fax No: +604 827 6932
Email: foemalaysia@gmail.com
<https://www.foe-malaysia.org>

Surat Kepada Pengarang

19 November 2019

Tindakan Tegas Diperlukan Terhadap Penderaan Haiwan

Kemunculan berterusan berita mengenai penderaan haiwan di dalam media massa dan sosial memerlukan perhatian serius daripada pihak berkuasa yang berkenaan. Bilangan kes kekejaman terhadap haiwan amat mengejutkan berlaku dengan agak tidak terkawal itu hanyalah sejumlah kecil daripada yang sebenarnya memandangkan kebanyakan kes tidak pernah dilaporkan.

Kekejaman dan pengabaian ini meliputi semua sempadan sosial dan ekonomi bersama dengan laporan media yang menyarankan bahawa penderaan haiwan menjadi perkara biasa di kawasan bandar dan luar bandar.

Kekejaman haiwan mencakupi pelbagai tingkah laku kejam termasuklah meninggalkan haiwan peliharaan tanpa perhatian sepanjang percutian panjang, merantai haiwan peliharaan sepanjang hayat tanpa sebarang peluang bagi haiwan itu untuk membebaskan diri, menyimbah haiwan dengan air panas, mengabaikannya apabila haiwan itu menjadi buta dan berpenyakit, atau luka akibat dipukul.

Haiwan yang menjadi teman seperti anjing dan kucing sering didera walaupun haiwan lebih kecil seperti Hamsters, tikus makmal, arnab, reptilia dan haiwan peliharaan eksotik yang kebanyakannya dikurung juga sering diabaikan.

Tingkah laku dikurung sering memangsakan haiwan. Penderita gangguan kurungan mungkin mengenakan pengabaian yang teruk terhadap haiwan dengan mengurung lebih banyak haiwan daripada yang mereka mampu untuk menjaga atau memeliharanya dengan sempurna menyebabkan penyakit dan kematian.

Kekejaman atau penderaan haiwan adalah membahayakan haiwan dengan niat oleh manusia. Walaupun dari segi moral dan etika adalah salah, insiden kekejaman haiwan semakin berkembang bilangannya setiap tahun.

Serangan terhadap anjing dan anak anjing sudah menjadi kelaziman dengan laporan meracun anjing yang berkeliaran sehingga ke peringkat memotong dan membakarnya di Selayang, Selangor. Kes keracunan juga dilaporkan di Seremban dan Negeri Sembilan. Terdapat juga laporan anjing diseret hingga mati, dibiarkan kelaparan dan didera.

Berhubung kekejaman ke atas haiwan yang berkeliaran, Sahabat Alam Malaysia (SAM) kesal dengan cara anjing yang berkeliaran ditangkap oleh majlis kerajaan tempatan di seluruh Malaysia.

Pencinta haiwan berdiri dan melihat dengan tidak berdaya apabila pekerja majlis perbandaran mengendalikan anjing yang berkeliaran dengan kasarnya. Tingkah laku yang agresif dan kejam ketika menangkap anjing yang berkeliaran oleh kakitangan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) menunjukkan kurangnya kemampuan yang diperlukan bagi penangkap anjing.

Mereka yang melakukan tindakan kejam perlu dihukum dan didakwa di bawah Akta Kebajikan Haiwan 2015.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) mendedahkan terdapat 30% peningkatan dalam kes penderaan haiwan di seluruh negara daripada 510 pada 2017 kepada 662 kes pada tahun lepas.

Berdasarkan kepada peningkatan kes penderaan yang didedahkan oleh orang ramai hampir setiap hari, sangat penting untuk mengetahui berapa banyak kes seperti itu telah disiasat dan berapa ramai pelaku jenayah itu telah didakwa di mahkamah?

Kekejaman terhadap haiwan adalah satu fenomena yang semakin berkembang yang memerlukan lebih banyak kesedaran agar ia dapat dihentikan dengan segera. Ia sememangnya masalah yang amat mengganggu.

Lebih membimbangkan ialah betapa kecilnya perlindungan dan keadilan terhadap haiwan diberikan di bawah undang-undang.

Sering kali penderaan haiwan diabaikan sahaja oleh pihak berkuasa. Kita perlu memikirkan semula dengan serius bagaimana kita melayan haiwan dengan lebih kesedaran dan hukuman yang lebih keras untuk mencegah daripada tindakan kejam serta berpotensi bagi pemilik haiwan peliharaan agar berfikir dengan berhati-hati sebelum memiliki haiwan sebagai teman.

Meenakshi Raman
Presiden
Sahabat Alam Malaysia